



Permodalan Nasional Berhad

(38218-X)

Untuk Siaran Segera

27 September 2016

AS 1MALAYSIA UMUM AGIHAN PENDAPATAN 6.10 SEN SEUNIT

KUALA LUMPUR - Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) mengumumkan pengagihan pendapatan sebanyak 6.10 sen seunit untuk Amanah Saham 1Malaysia (AS 1Malaysia) bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2016.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Abdul Wahid Omar berkata kadar pengagihan pendapatan tersebut membabitkan pembayaran berjumlah RM700.63 juta. Ianya akan dapat dimanfaatkan oleh lebih 393,000 pemegang unit yang telah melanggan 11.486 bilion unit AS 1Malaysia.

Sehingga 23 September 2016, tabung AS 1Malaysia memperoleh pendapatan kasar sebanyak RM777.63 juta. Keuntungan daripada penjualan saham dalam syarikat-syarikat menyumbang sebanyak RM344.87 juta atau 44.4%, manakala pendapatan dividen daripada pelaburan dalam syarikat-syarikat pula menyumbang sebanyak RM321.27 juta atau 41.3% daripada jumlah pendapatan kasar tersebut. Baki selebihnya sebanyak RM111.49 juta atau 14.3% diperoleh melalui pendapatan daripada pelaburan dalam instrumen-instrumen jangka pendek dan lain-lain pendapatan.

Pengiraan pengagihan pendapatan AS 1Malaysia ini adalah berdasarkan purata baki pegangan minima bulanan bagi tempoh pelaburan sepanjang tahun kewangan tabung tersebut.

Pengagihan pendapatan AS 1Malaysia akan dilaksanakan melalui pelaburan semula dalam bentuk unit yang akan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun para pemegang unit pada 1 Oktober 2016.

Semua urusan niaga bagi AS 1Malaysia telahpun ditangguhkan mulai 23 September 2016 sehingga 3 Oktober 2016 bagi tujuan pengiraan pengagihan pendapatan. Para pemegang unit boleh mengemaskinikan buku pelaburan masing-masing di Ibu Pejabat, semua cawangan atau ejen-ejen ASNB di seluruh negara mulai 4 Oktober 2016.

Bagi pemegang unit yang melanggan unit-unit AS 1Malaysia menerusi Skim Pelaburan Ahli KWSP, pembayaran pengagihan pendapatan akan dikreditkan ke dalam akaun pelaburan KWSP yang berkenaan.

Penyata pengagihan pendapatan serta laporan tahunan akan dihantar mulai pertengahan bulan November 2016.

Dikeluarkan oleh :

PERMODALAN NASIONAL BERHAD

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Aminah Haji Mahadi, Pengurus Kanan, Jabatan Komunikasi Korporat

Tel: 03-2050 5445 | Faks: 03-2050 5268 | E-mel: aminah_hm@pnb.com.my